

Reaksi Masyarakat Limbang terhadap Rancangan Pembentukan Malaysia Melalui Siasatan Suruhanjaya Cobbold 1962

*(The Limbang Society Reaction to Malaysia Formation's Plan through the Cobbold
Commission Enquiry 1962)*

HABID'S BUHIGIBA BIN MOHAMAD BUSTAMAM, SUFFIAN MANSOR & MOHD BIN SAMSUDIN

ABSTRAK

Limbang merupakan antara daerah yang paling bergolak dalam jajahan Brunei sejak tahun 1850. Isu Limbang telah menimbulkan kontroversi berpanjangan apabila Charles Brooke merampas Sungai Limbang daripada pentadbiran Brunei pada tahun 1890. Idea penubuhan Malaysia telah membawa kepada pembentukan Suruhanjaya Cobbold bagi menyiasat pandangan dan penerimaan penduduk di Sarawak dan Borneo Utara. Tinjauan di Bahagian Limbang menarik perhatian disebabkan latar belakang sejarah Limbang yang unik. Kajian ini akan cuba melihat pendirian masyarakat di Bahagian Limbang terhadap rancangan pembentukan Malaysia pada tahun 1962. Di samping itu kajian ini akan turut mengemukakan implikasi bantahan penduduk Limbang dan kesannya ke atas kehidupan sosial masyarakat Bahagian Limbang sebelum tahun 1963. Kajian ini akan menggunakan kaedah kajian kualitatif pendekatan sejarah iaitu memberikan tumpuan utama kepada sumber primer di samping penggunaan-sumber sekunder. Antara sumber primer yang dirujuk dalam kajian ini termasuklah rekod-rekod British, surat-menyurat, laporan, keratan akhbar dan warta kerajaan. Siasatan yang dibuat oleh Suruhanjaya Cobbold mendapati bahawa majoriti penduduk Bahagian Limbang bersetuju menyertai rancangan Malaysia dengan beberapa syarat yang ditetapkan. Walaupun menerima rancangan Malaysia kajian ini mendapati wujudnya rasa tidak puas hati terhadap Kerajaan British. Manakala keputusan di Daerah Limbang pula agak berbeza iaitu majoriti penduduk menolak penyertaan dalam Malaysia. Kebimbangan penerimaan rancangan Malaysia telah membawa kepada tercetusnya peristiwa pemberontakan penduduk di Limbang pada 8 Disember 1962.

Kata kunci: Suruhanjaya Cobbold; TNKU; Bumiputera; Melayu Brunei; Petisyen Limbang

ABSTRACT

Limbang is one of the most turbulent districts in Brunei since 1850. The Limbang's issue has led to prolonged controversy when Charles Brooke annexed the Limbang River from the Brunei administration in 1890. The idea of establishing Malaysia has led to the formation of Cobbold Commission to enquire the views and acceptance of the people in Sarawak and North Borneo. The survey in Limbang Division attracts attention due to the unique background of Limbang's history. This study will try to see the stand of the community in the Limbang Division on the formation of Malaysia in 1962. In addition, this study will also introduce the implications of the Limbang population and its impact on the social life of the Limbang Division before 1963. This study will use qualitative methods of historical approaches that focus on primary sources in addition to secondary sources. Among the primary sources consulted in the study include British records, correspondence reports, newspapers, and government official publications. The enquiry by the Cobbold Commission found that the majority of the Limbang Division people agreed with Malaysia's plans with certain conditions. Despite the acceptance of Malaysia's plans, according to this study, there has been a growing number of dissatisfaction against the British Government. While the decision in Limbang District is quite different, the majority of the population rejected the Malaysia's plan. The concern of the acceptance of Malaysia's plans have lead to the outbreak of the Limbang rebellion on 8 December 1962.

Keywords: Cobbold Commission; TNKU; Bumiputera; Malay Brunei; Limbang Petition

PENGENALAN

Limbang merupakan Bahagian yang Kelima di antara 12 Bahagian dalam Negeri Sarawak. Bahagian Limbang terdiri daripada dua buah daerah iaitu Daerah Limbang dan Daerah Lawas serta tiga buah daerah kecil iaitu Nanga Medamit, Sundar dan Trusan. Bahagian Limbang terletak di utara negeri Sarawak dan berjiran dengan negara Brunei di sebelah barat, Sabah di utara dan Kalimantan di sebelah timur. Saiz Bahagian Limbang adalah seluas 7,790 km/seg. Masyarakat yang mendiami Bahagian Limbang terdiri daripada orang Melayu Brunei, Kedayan, Bisaya, Lun Bawang, Murut, Cina, Iban dan penduduk minoriti Sarawak yang lain. Kegiatan utama penduduk kebanyakannya dalam aktiviti pertanian, penternakan, nelayan sungai, dan perniagaan secara kecil-kecilan. Orang Melayu Brunei dan Kedayan yang tinggal di pesisir sungai lebih banyak terlibat dengan aktiviti pertanian dan nelayan, manakala di kawasan hulu sungai yang didiami oleh penduduk Bisaya, Murut, dan Lun Bawang mereka terlibat dalam aktiviti pertanian.

Bahagian Limbang telah melalui fasa awal di bawah pentadbiran Kerajaan Brunei sebelum dirampas pada 17 Mac 1890 oleh Charles Brooke apabila berlakunya pemberontakan oleh penduduk tempatan di Sungai Limbang. Selepas Sungai Limbang ditadbirkan oleh Kerajaan Sarawak isu-isu setempat kembali sunyi sehinggalah selepas Sarawak diletakkan sebagai tanah jajahan British mulai tahun 1946 hingga tahun 1963.


Pada tahun 1962 satu siasatan telah dibuat bagi mengetahui penerimaan penduduk Limbang

terhadap rancangan penubuhan Malaysia. Kajian ini akan cuba melihat bagaimanakah penerimaan penduduk Bahagian Limbang terhadap rancangan pembentukan Malaysia pada tahun 1963. Di samping itu kajian ini akan turut mengemukakan implikasi bangkangan penduduk Limbang dan kesannya ke atas kehidupan sosial masyarakat di Limbang dan Teluk Brunei.

LATARBELAKANG PENUBUHAN SURUHANJAYA COBBOLD

Idea pembentukan sebuah persekutuan atau kesatuan yang besar meliputi Sarawak, Borneo Utara, Brunei dan Labuan bukanlah satu idea yang baharu. Idea ini pernah dikemukakan sejak tahun 1897 oleh Charles Lucas yang bertugas sebagai *Assistant Under Secretary, Colonial Office*. Lucas mencadangkan agar Sarawak, Brunei dan Borneo Utara ditadbir oleh Residen yang bertanggungjawab kepada Residen Jeneral di Labuan. Sebagai langkah awal pelaksanaan beliau mencadangkan Sistem Residen diperkenalkan di Brunei. Namun idea Lucas tidak dilaksanakan oleh *Foreign Office* sebab ia dirasakan terlalu sukar untuk melibatkan British secara terus di utara Borneo. Cadangan penyatuan ketiga-tiga wilayah sekali lagi diutarakan oleh Sir Cecil Clementi Smith pada tahun 1930. Namun idea tersebut dilihat oleh Pejabat Tanah Jajahan terlalu rumit disebabkan ketiga-tiga wilayah British Borneo dimiliki oleh tiga entiti yang berbeza. Selain itu cadangan yang dibuat juga dilihat oleh *Colonial Office* sebagai belum mantap dan peluang untuk mencapai kejayaan turut dilihat sangat tipis. Pada tahun 1944 penghujung Perang Dunia Kedua, Brigadier C.F.C. Macaskie (Pengaroh Unit Perancang Borneo semasa Perang Ddunia Kedua) mencadangkan kerja sama rapat ketiga-tiga wilayah dengan menggunakan kekayaan minyak Kerajaan Brunei untuk pembangunan wilayah. Sebagai ganti beliau mencadangkan Bahagian Kelima Sarawak (Limbang) dikembalikan kepada Kerajaan Brunei. Walau bagaimanapun cadangan ini ditolak oleh Kerajaan British apabila mengambil kira kelemahan yang ada pada keluarga Diraja Brunei.

Selepas tamatnya Perang Dunia Kedua, idea penyatuan ketiga-tiga wilayah telah timbul kembali. Dalam “Persidangan Antara Daerah” pada 23 April 1953, Sir Anthony Abell (Gabenor Sarawak dan juga Pesuruhjaya Tinggi British Brunei) telah mencadangkan agar dibentuk sebuah Persekutuan bagi mencantumkan Sarawak, Brunei dan Borneo



PETA 1. Lokasi Bahagian Limbang, Sarawak

Sumber: FO 572/2 dan disesuaikan daripada google maps.

Utara. Namun idea ini tidak mendapat sokongan daripada Sultan Brunei. Bagi Ghazali Shafie, Sultan Brunei merasa lebih selesa untuk bersama-sama sembilan Raja-raja Melayu di Tanah Melayu berbanding dengan terasing bersama pemimpin Borneo Utara dan Sarawak. Di Sarawak dan Borneo Utara idea penyatuan terus dibawa oleh Sir Anthony Abell dan Sir Roland Turnbull apabila mereka mengumumkan secara rasmi komitmen untuk pembentukan sebuah persekutuan melibatkan ketiga-tiga wilayah Borneo pada 7 Februari 1958. Idea ini mendapat bantahan daripada Sultan Brunei dan menegaskan bahawa baginda tidak berminat untuk membawa Brunei menyertai mana-mana Persekutuan. Kerajaan British melihat idea sebuah Persekutuan lebih praktikal berbanding kewujudan tiga negara kecil yang baharu. Namun Kerajaan British tetap menghormati pilihan rakyat ketiga-tiga wilayah daripada memaksa mereka menerima sahaja sebarang cadangan British.

Pada 20 Disember 1958 ketika mengadakan pertemuan secara peribadi bersama Malcom MacDonald, Tunku Abdul Rahman menyatakan rasa bimbang beliau tentang masa hadapan wilayah Sarawak, Brunei dan Borneo Utara akibat tuntutan terhadap Borneo Utara oleh Filipina (Norizan & Suffian 2017). Malah tuntutan tersebut akan turut menggalakkan Indonesia untuk memujuk penduduk tempatan di Sarawak dan Brunei agar bersetuju bergabung bersama Indonesia. Selepas pembentukan Parti Rakyat Brunei (PRB) pada tahun 1956, PRB sangat menyokong penyatuan ketiga-tiga wilayah dalam sebuah Negara Kesatuan Kalimantan Utara (NKKU). Akhirnya idea penyatuan ketiga-tiga wilayah berkubur disebabkan wujudnya kebimbangan penerusan idea tersebut seolah-olah menyokong tuntutan oleh PRB yang dilihat pro-Indonesia.

Tunku Abdul Rahman dalam satu sidang akhbar bertempat di Singapura pada 27 Mei 1961 telah mengumumkan cadangan pembentukan Persekutuan Malaysia yang akan menggabungkan Persekutuan Tanah Melayu (PTM), Singapura, Brunei, Sarawak dan Borneo Utara. Idea Tunku telah mendapat perhatian dan pertimbangan daripada Sir Harold MacMillan (Perdana Menteri Britain). Penilaian Kerajaan British sangat wajar disebabkan wujud ketidakseimbangan di kelima-lima wilayah dari sudut pembangunan ekonomi dan politik. Berikutan cadangan tersebut terdapat kebimbangan dalam kalangan penduduk Sarawak yang melihat seolah-olah wujudnya satu propaganda daripada PTM untuk memaksa penduduk Sarawak

dan Borneo Utara untuk menerima sahaja konsep Malaysia tanpa mempertimbangkan pandangan dan pendapat suara majoriti penduduk, manakala dalam kalangan ahli Parti Komunis Malaya (PKM), mereka melihat rancangan Malaysia ini merupakan sebahagian daripada penerusan kempen PTM dan British bagi memerangi komunis di seluruh Asia Tenggara. Justeru itu tidak hairanlah mengapa idea Malaysia mendapat reaksi yang sangat negatif khususnya di Singapura yang memiliki pengaruh komunis yang begitu kuat.

Namun demikian dalam kalangan pegawai British di Sarawak dan Borneo Utara khususnya Abell dan Goode mereka lebih bersetuju sekiranya pentadbiran kedua-dua wilayah dicantumkan ke dalam sebuah pentadbiran sebelum bergabung dalam sebuah pentadbiran yang besar seperti yang dicadangkan oleh Tunku. Idea penyatuan Sarawak dan Borneo Utara kekal menjadi idea utama pegawai British sejak awal rancangan Malaysia dibincangkan. Idea penyatuan Sarawak dan Borneo Utara turut mendapat perhatian daripada pemimpin masyarakat Iban iaitu Temenggung Jugah dan Motegrai Tugang. Walau bagaimanapun Datu Mustapha yang mewakili penduduk Islam Borneo Utara memiliki pandangan yang berbeza iaitu agak berhati-hati dengan cadangan penggabungan Borneo Utara bersama Sarawak ataupun menerima rancangan Malaysia disebabkan majoriti rakyat di Borneo Utara masih belum memahami keseluruhan proses dan amalan demokrasi (Gabenor Sarawak 1961, FCO 141/12562). Bagi Gabenor Borneo Utara, penyatuan Sarawak dan Borneo Utara perlu dilakukan terlebih dahulu agar penduduk di kedua-dua wilayah dapat menyediakan pemimpin yang berkarisme dan berkeyakinan sebelum rancangan Malaysia boleh diterima oleh penduduk kedua-dua wilayah (Gabenor Borneo Utara 1961, FCO 141/12562). Sekurang-kurangnya idea ini masih dipegang sebelum persetujuan oleh MacMillan, Perdana Menteri British pada bulan November 1961. Kerajaan British juga menyedari idea penggabungan Sarawak dan Borneo Utara sebelum pembentukan Malaysia sudah pasti tidak disenangi oleh Tunku berbanding dengan konsep yang dicadangkan oleh beliau. Disebalik sokongan terhadap pembentukan Persekutuan Sarawak dan Borneo Utara terdapat kebimbangan yang semakin meningkat terhadap pengaruh komunis khususnya dalam kalangan ahli-ahli sayap kiri Sarawak United People's Party (SUPP) yang menentang rancangan Malaysia. Bagi penduduk bumiputera Sarawak mereka menyedari akan status SUPP dan pengaruh

komunis yang begitu kuat di dalamnya. Keadaan ini menjadi pendorong kepada masyarakat bumiputera Sarawak untuk mendukung idea Malaysia yang diharapkan dapat menjamin kedudukan penduduk bumiputera Sarawak dalam isu keselamatan, politik dan ekonomi.

Selain ancaman komunis di Sarawak, Tunku melihat ancaman kepada rancangan Malaysia turut datangnya daripada PRB di Brunei. Andaian Tunku terhadap PRB ternyata benar apabila dalam sidang akhbar Zaini Ahmad di Jakarta pada 12 Ogos 1961, beliau menolak inisiatif Tunku untuk membawa Sarawak, Brunei dan Borneo Utara dalam rancangan Malaysia. Menurut Zaini, PRB ingin membentuk sebuah Kesatuan yang dianggotai oleh ketiga-tiga wilayah British di Borneo. Menjelang pertengahan bulan Ogos 1961 rancangan Malaysia telah diterima secara berbelah bahagi oleh penduduk di Sarawak dan Borneo Utara. Malah konsep Malaysia awal-awal lagi telah ditolak oleh PRB dan parti SUPP di Sarawak (Melville, 1961, FCO 141/12562). Tunku bertegas mengatakan bahawa kemasukan Sarawak dan Borneo Utara lebih wajar dalam bentuk negeri dan bukannya melalui kesatuan kedua-dua wilayah (Goode 1961, FCO 141/12562).

Cadangan Tunku telah mendapat momentum apabila beliau dijemput oleh Perdana Menteri British, Harold Macmillan untuk membincangkan cadangan tersebut pada bulan November 1961 bertempat di London. Idea ini juga dilihat memberi nafas baharu kepada cadangan penggabungan ketiga-tiga wilayah British di Borneo dengan sebuah persekutuan yang lebih besar. PRB dan A.M. Azahari melihat cadangan Tunku ini boleh menggagalkan idea Persekutuan Kalimantan Utara. Keadaan ini menimbulkan rasa kurang senang dalam kalangan ahli PRB yang menyebabkan timbul usaha untuk menghasut dan menyemarakkan rasa benci kepada pegawai PTM yang bertugas di Brunei. Penolakan British ini menjadi salah satu sebab penentangan oleh PRB dan pemberontakan Tentera Nasional Kalimantan Utara (TNKU) pada 8 Disember 1962.

Sikap Sultan Omar Ali terhadap Malaysia digambarkan oleh D.C. White sebagai berminat namun baginda dikatakan tidak memahami konsep raja berperlembagaan. Baginda juga tidak gemar akan kewujudan parti-parti politik dan amalan demokrasi. Justeru itu walaupun berminat akan rancangan Malaysia namun intipati pelaksanaan Malaysia sangat merisaukan baginda khususnya berkaitan dengan elemen demokrasi yang ditolak oleh baginda. Dengan sikap PRB, Tunku dan Sultan

yang masing-masing memiliki pandangan dan sikap yang berbeza D.C White melihat agak sukar untuk menjayakan rancangan Malaysia pada tahun 1963.

Sehingga pada 30 Ogos 1961, rancangan pembentukan Malaysia yang melibatkan negeri Sarawak telah menjadi bualan hangat dalam kalangan semua penduduk di Sarawak. Walaupun pada peringkat awal idea Malaysia ini telah mendapat tentangan yang besar namun sejak bulan Ogos 1961 sikap menentang semakin berkurangan. Malah suara-suara menyokong rancangan ini semakin meningkat khususnya dalam kalangan orang Melayu dan bumiputera. Kedua-dua komuniti mulai melihat kepada keperluan dalam perlembagaan untuk melindungi hak-hak masyarakat bumiputera Sarawak (Ratcliffe, 1961, FCO 141/12562). Lawatan muhibah ke Semenanjung Malaysia oleh perwakilan dari Sarawak menampakkan rasa puas hati dengan pembangunan yang dijalankan di PTM. Perkara yang paling menarik tentang penerimaan rancangan Malaysia ialah majoriti penduduk Sarawak di bandar dan pinggir bandar bersetuju bahawa Kerajaan British tidak akan kekal lama di Sarawak disebabkan keinginan British untuk berundur dari rantau ini. Namun persepsi ini tidak dikongsi bersama oleh penduduk di kawasan pedalaman yang berpendirian sebaliknya dan melihat peranan British masih diperlukan.

Selepas mesyuarat di London di antara perwakilan PTM dan Kerajaan British, Duncan Sandys (*Secretary of State for Commonwealth Relations*) menyatakan di Parlimen bahawa Kerajaan British bersetuju dengan cadangan pembentukan Persekutuan Malaysia yang akan menggabungkan PTM, Singapura, Sarawak, Brunei dan Borneo Utara berdasarkan kehendak penduduk di kelima-lima wilayah tersebut. Serentak dengan itu Duncan Sandys mengumumkan bahawa Kerajaan Britain mencadangkan penubuhan sebuah suruhanjaya bagi meninjau pandangan serta pendapat penduduk di Sarawak dan Borneo Utara berkenaan rancangan Malaysia, manakala bagi Kerajaan Brunei pegawai-pegawai British akan memberikan nasihat kepada Sultan Brunei.

Walaupun Kerajaan British bersetuju dengan cadangan penubuhan Malaysia namun mereka juga ingin mengetahui reaksi dan pandangan daripada penduduk di Sarawak, Brunei dan Borneo Utara. Walaupun Sultan Brunei menolak siasatan diadakan di Brunei, namun pada 5 Disember 1961 Sultan telah mengarahkan Majlis Legislatif Brunei membuat kajian penerimaan penduduk Brunei terhadap penyertaan Brunei dalam Persekutuan.

Keputusan tinjauan ini diharap oleh Sultan dapat membantu Kerajaan Brunei untuk mengambil tindakan selanjutnya berhubung penyertaan bersama Malaysia. Bagi Kerajaan British mereka sangat mengalu-alukan tindakan Sultan dan menggalakkan Sultan untuk mengambil inisiatif mendapatkan maklumat lebih terperinci daripada kerajaan PTM.

Pada awal bulan Januari 1962, Kerajaan Sarawak telah mulai menerbit dan mengedarkan maklumat-maklumat berkaitan dengan tujuan kedatangan Suruhanjaya Cobbold di seluruh negeri Sarawak. Tujuan utama pengedaran bahan tersebut adalah untuk memberikan maklumat yang mudah difahami berkenaan rancangan “Malaysia”. Walaupun banyak perbincangan telah dilakukan melalui akhbar dan juga melalui *Malaysian Solidarity Consultative Committee* (MSCC) tetapi terdapat keperluan untuk mendengar pandangan secara objektif yang datangnya daripada seluruh penduduk di Sarawak. Bahan tersebut telah diedar melalui pejabat Residen Bahagian dan Pejabat Daerah. Di kawasan-kawasan luar bandar yang masyarakatnya buta huruf, penerangan telah diberikan melalui Pejabat Daerah dan Pejabat Residen.

Untuk membuat tinjauan di Sarawak dan Borneo Utara sebuah suruhanjaya telah dibentuk yang diketuai oleh Lord Cobbold pada tahun 1962. Pembentukan Suruhanjaya ini telah diumumkan secara rasmi oleh Kerajaan British dan PTM pada 16 Januari 1962. Ahli-ahli Suruhanjaya Cobbold terdiri daripada Lord Cobbold¹ selaku pengerusi, Sir Anthony Abell dan Sir David Watherston² merupakan ahli yang dilantik oleh Kerajaan British manakala dua ahli yang lain iaitu Dato’ Wong Pow Nee³ dan En. Muhammad Ghazali Shafie⁴ dipilih dan dilantik oleh kerajaan PTM. Suruhanjaya Cobbold telah diminta untuk menjalankan siasatan sambil mendengar pandangan daripada penduduk Sarawak dan Borneo Utara. Jangka masa tugas dijalankan antara 19 Februari hingga 18 April 1962. Di samping itu, Suruhanjaya Cobbold juga turut memberikan cadangan setelah mempertimbangkan pandangan penduduk di kedua-dua wilayah tersebut. Sepanjang tempoh empat minggu, ahli Suruhanjaya Cobbold telah melakukan lawatan di 35 buah tempat di sekitar Borneo Utara dan Sarawak dan terlibat dengan 50 perjumpaan dengan sejumlah 4,500 orang. Keseluruhan lawatan ahli Suruhanjaya Cobbold telah dibantu oleh kedua-dua Kerajaan Sarawak dan Borneo Utara disebabkan sistem pengangkutan dikedua-dua negeri yang banyak bergantung kepada pengangkutan darat, udara dan laluan sungai.

Melalui lawatan Suruhanjaya Cobbold mereka telah menerima respons dalam bentuk surat dan memorandum bertulis yang berjumlah sekitar 1,600 keping di Sarawak, manakala di Borneo Utara sejumlah 600 keping. Di Daerah Limbang ahli Suruhanjaya menerima sembilan keping surat manakala di Daerah Lawas pula sebanyak 27 keping. Semua surat dan memorandum tersebut diterima daripada wakil penduduk Daerah Limbang dan Lawas yang terdiri daripada wakil penduduk kampung, ketua kaum dan masyarakat, pertubuhan politik, pegawai kerajaan, dan wakil pertubuhan ataupun persatuan. Selain menerima surat dan memorandum ahli Suruhanjaya Cobbold turut mengadakan dialog bersama wakil-wakil masyarakat dan pegawai Daerah di Pejabat Residen di Limbang.

SURUHANJAYA COBBOLD DI DAERAH LIMBANG

Ahli Suruhanjaya Cobbold telah singgah di bandar Limbang pada 10 Mac 1962. Penduduk Daerah Limbang boleh dibahagikan kepada tiga kumpulan yang utama iaitu Melayu-Islam, Bumiputera dan Cina, manakala dari segi persatuan mereka boleh dibahagikan kepada persatuan yang mewakili masyarakat Melayu dan yang mewakili campuran Bumiputera-Melayu.

Masyarakat Melayu-Islam di Limbang sebahagian besarnya terdiri daripada orang Melayu Brunei dan sedikit orang Melayu dari daerah lain Sarawak, manakala masyarakat Kedayan dimasukkan bersama dalam kumpulan ini. Terdapat dua pendirian masyarakat Melayu iaitu majoriti penduduk Melayu Brunei menolak penyertaan Sarawak dalam Persekutuan Malaysia. Kumpulan ini diketuai oleh Awang Aming bin Awang Bakir. Mereka menggesa agar Daerah Limbang diserahkan semula kepada Kerajaan Brunei dan meletakkan keputusan ke atas Sultan Brunei bagi memutuskan penyertaan bersama Malaysia (Awang Aming bin Bakir 1962, CO 947/55). Bagi pertubuhan yang terdiri daripada gabungan orang Melayu dan bumiputera boleh dilihat dalam Barisan Pemuda Sarawak (BPS) yang memiliki keahlian seramai 1865 orang. BPS membentuk cawangan di Limbang semasa gerakan *anti-cession* aktif pada tahun 1947. Semasa pertubuhan PRB aktif di Brunei kewujudan BPS menjadi alternatif bagi sebahagian daripada penduduk Limbang untuk melibatkan diri dalam kegiatan berpersatuan. Secara keseluruhannya kumpulan ini menyokong rancangan pembentukan

JADUAL 1 Rumusan Surat dan Memorandum Penduduk Limbang kepada Suruhanjaya Cobbold

Kumpulan	Nama Persatuan/Kumpulan	Sokongan Terhadap Malaysia
1	Wakil Persatuan a) Angkatan Pemuda Pemudi Melayu Limbang b) Barisan Pemuda Sarawak (BPS) c) SUPP d) Wakil Peniaga Cina	a) Menentang-Menyokong Brunei b) Menyokong c) Menentang d) Berkecuali dan bersyarat
2	Wakil Ketua Kampung Melayu, Kedayan, Bisaya, Murut, dan Kelabit.	Menyokong
3	Wakil masyarakat: a) Melayu Limbang b) Bisaya c) Iban d) Cina: <i>Limbang Chung Hwa Old Pupils Association, The Limbang Wharf</i>	a) Menentang b) Menentang c) Menyokong tetapi mahukan kemerdekaan terlebih dahulu sebelum memasuki Malaysia d) Menentang

Sumber: CO 947/55

Malaysia secara bersyarat iaitu mahukan status hak istimewa diberikan kepada penduduk bumiputera. Selain itu mereka turut menuntut perhatian diberikan kepada pembangunan ekonomi dan taraf hidup penduduk bumiputera (Gantang bin Ludin 1962, CO 947/55). Pendirian BPS di Limbang agak berbeza dengan pendirian BPS Cawangan Lawas yang menentang sepenuhnya rancangan Malaysia.

Pendirian masyarakat Cina terhadap rancangan Malaysia berpecah kepada dua bahagian iaitu majoritinya menentang (Ho Hui Ling 1998) dan sebahagian kecil agak berkecuali tetapi menerima rancangan Malaysia secara bersyarat. SUPP dan lima persatuan Cina (Lima Persatuan Masyarakat Cina Limbang 1962, CO 947/55) yang mewakili sebahagian besar masyarakat Cina di Limbang menentang rancangan penubuhan Malaysia dan menganggap PTM dan Singapura sebagai sebuah kuasa asing. Selain itu SUPP juga menganggap Malaysia sebagai satu bentuk kolonialisme yang baharu dan sukar untuk menerima idea tersebut. Mereka mencadangkan agar Sarawak mendapatkan kemerdekaan tanpa menyertai Persekutuan Malaysia. Bagi SUPP, orang Sarawak seharusnya diberikan ruang untuk menentukan nasib dan masa hadapan sendiri. Namun begitu mereka turut mencadangkan agar negeri Sarawak, Borneo Utara dan Brunei dicantumkan menjadi sebuah persekutuan yang berasingan.

Kumpulan kedua terdiri daripada Pertubuhan Peniaga Cina Limbang yang mahukan agar penduduk Sarawak diberikan kebebasan dalam menentukan rancangan Malaysia secara demokratik (Chinese Chamber of Commerce Limbang 1962, CO

947/55). Mereka menekankan perlunya hak sama rata semua kaum diberikan tanpa diskriminasi. Pandangan Chinese Chamber of Commerce seolah-olah menyamai tuntutan yang dibuat oleh MCA pada tahun 1956 semasa PTM mencapai kemerdekaan (Helen Mu & Chang Yee 2018). Mereka juga menekankan sikap bertoleransi yang menjadi amalan masyarakat Sarawak untuk terus dikekalkan. Masyarakat Cina Limbang juga menentang hak istimewa yang hanya diberikan kepada penduduk bumiputera di Sarawak seperti mana orang Melayu di PTM.

Suruhanjaya Cobbold melihat pendirian masyarakat Cina ini turut dipengaruhi oleh sikap PTM yang antikomunis (Report of the Commission Enquiry, North Borneo and Sarawak 1962). Walaupun elemen anti-PTM hanya kuat di Bahagian Pertama dan Ketiga namun pengaruh dan kempen-kempen berterusan pendukung komunis dalam kalangan masyarakat Cina turut mempengaruhi masyarakat Cina di Limbang.

Pendirian masyarakat bumiputera yang terdiri daripada Orang Bisaya ialah menentang rancangan Malaysia dengan alasan Sarawak boleh merdeka secara berasingan. Penduduk Bisaya juga menyokong pembentukan kesatuan Brunei, Sarawak dan Borneo Utara yang merdeka terlebih dahulu sebelum memikirkan soal rancangan Malaysia (Hidup anak Itai, 1962, CO 947/55). Idea dan pandangan masyarakat Bisaya lebih mirip kepada pandangan PRB dan TNKU. Persamaan idea ini mungkin dipengaruhi oleh golongan pemuda Bisaya ramai yang bekerja di negara Brunei, manakala bagi pihak wakil masyarakat Iban pula mereka bersetuju

menerima Malaysia tetapi memohon agar Sarawak diberikan kemerdekaan terlebih dahulu bersama-sama Brunei dan North Borneo sebelum memasuki Malaysia (Ngang 1962, CO 947/55).

Bagi pihak yang terlibat dalam pengurusan dan pentadbiran kampung di Daerah Limbang mereka turut menghantar surat persetujuan berkaitan rancangan Malaysia. Mereka merupakan wakil daripada ketua kampung yang mewakili penduduk Melayu, Kedayan, Bisaya, Murut, dan Kelabit. Walaupun bersetuju dengan rancangan membawa Sarawak dalam Persekutuan Malaysia namun wakil-wakil ketua kampung ini memohon kepada Suruhanjaya Cobbold agar memberikan keutamaan kepada penduduk Bumiputera Sarawak dalam hal ehwal pentadbiran tempatan, imigrasi, status kewarganegaraan Malaysia, pembangunan pendidikan dan budaya, dan peluang pekerjaan di Sarawak. Elemen penting yang turut diketengahkan oleh mereka ialah menggesa Kerajaan Persekutuan memelihara sempadan Limbang untuk dikekalkan dalam Negeri Sarawak dan Malaysia (Wakil ketua kampung di Limbang 1962, CO 947/55). Mereka menolak penyerahan Bahagian Limbang kepada Kerajaan Brunei.

Siasatan Suruhanjaya Cobbold menunjukkan keputusan yang agak mengejutkan iaitu keseluruhan Daerah Limbang berpecah kepada tiga bahagian iaitu orang Melayu Brunei, Bisaya dan Cina yang menolak sepenuhnya rancangan Malaysia. Wujud sokongan terhadap Brunei yang datangnya daripada penduduk Melayu, Kedayan dan Bisaya yang tinggal di pesisir pantai dan muara Sungai Limbang. Mereka juga dilihat lebih banyak memberikan ketaatan kepada Sultan Brunei berbanding Kerajaan Sarawak (Debo 1963FCO, 141/12568). Meskipun terdapat sokongan untuk mengembalikan Limbang kepada Brunei, namun wujud kebimbangan yang begitu mendalam dalam kalangan penduduk bukan Islam untuk ditadbirkan di bawah Kerajaan Brunei. Mereka bimbang akan nasib dan masa hadapan mereka yang tidak menentu. Penolakan ini (Norena, Muhaimin Sulam & Ahmad Murad (2017) berkemungkinan ada kaitan dengan *collective memory* dan sejarah lisan yang diwarisi oleh penduduk tempatan tentang kehidupan masa lepas mereka. Penduduk Limbang telah menentang pentadbiran Brunei sejak tahun 1850, 1863 dan 1884. Situasi ini sedikit sebanyak mempengaruhi pandangan penduduk Limbang yang menolak untuk dikembalikan kepada Kerajaan Brunei. Sebahagian daripada penduduk bumiputera Iban, Kelabit, Murut dan Kedayan pula menerima penyertaan Sarawak dalam Kerajaan Persekutuan.

SURUHANJAYA COBBOLD DI DAERAH LAWAS

Ahli Suruhanjaya Cobbold telah singgah di Lawas pada 9 Mac 1962. Pendirian keseluruhan masyarakat di Daerah Lawas secara amnya menerima rancangan penubuhan Malaysia. Namun begitu keputusan penduduk Lawas berpecah mengikut kaum dan petempatan masyarakat. Pendirian keseluruhan masyarakat Cina di Daerah Lawas juga sama seperti di Daerah Limbang iaitu menolak penyertaan Sarawak bersama Persekutuan Malaysia. Selain masyarakat Cina, majoriti penduduk Murut khususnya di Trusan menolak rancangan Malaysia. Mereka juga menuntut agar Sarawak diberi peluang untuk berkerajaan sendiri dan turut menyokong cadangan penyatuan Sarawak bersama Brunei dan Borneo Utara yang berasingan. Penduduk Cina di Lawas turut menolak penggunaan Bahasa Melayu dan agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan Malaysia. Mereka menuntut persamaan hak dari sudut ekonomi dan kebudayaan. Suruhanjaya Cobbold melihat penolakan terhadap penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dilihat tidak menepati kedudukan semasa dikedua-dua negeri iaitu kebanyakan penduduk telahpun menggunakan Bahasa Melayu sebagai medium komunikasi (Report of the Commission Enquiry, North Borneo and Sarawak 1962).

Bagi masyarakat Melayu di Lawas secara keseluruhannya bersetuju menerima rancangan Malaysia. Penerimaan umumnya daripada penduduk kampung di Sungai Lawas (Awang Bogol 1962, CO 947/54) Merapok, Sundar, dan Kuala Lawas (Pengiran Shahbudin 1962, CO 947/54). Secara keseluruhan masyarakat Melayu di Lawas menerima penyertaan Sarawak dalam rancangan Malaysia kecuali Barisan Pemuda Sarawak Cawangan Sundar (Mohd. Daud dan Sablee 1962, CO 947/54).

Pada masa yang sama mereka mencadangkan agar hak keistimewaan diberikan kepada masyarakat bumiputera. Pendirian masyarakat Melayu Brunei di Lawas agak berbeza dengan pendirian sebahagian besar penduduk Melayu Brunei di Limbang. Terdapat sebahagian penduduk Lawas yang terlibat dan bersimpati dengan perjuangan PRB di Brunei khususnya golongan muda yang turut bekerja di Brunei. Setiausaha Persatuan Melayu Sarawak (PMS) Cawangan Sundar iaitu Sablee bin Hamid merupakan salah seorang ahli TNKU yang aktif bergerak di Daerah Lawas. Justeru itu, tidak hairan

pendirian PMS Cawangan Sundar menggambarkan pendirian TNKU yang menentang rancangan pembentukan Malaysia (Hashim 1962, CO 947/54). Surat yang dikemukakan oleh Sablee Hamid menunjukkan dengan jelas idea dan perjuangan TNKU dalam PMS Cawangan Sundar. Sablee Hamid telah ditahan oleh *Sarawak Constabulary* pada 27 November 1962 yang membawa kepada Operasi Hujan dilakukan di Daerah Lawas bagi membanteras aktiviti TNKU.

Bagi masyarakat bumiputera yang tinggal di kawasan pedalaman Lawas keputusan agak berbeza iaitu sebahagiannya bersetuju manakala sebahagian yang lain menolak. Penduduk Long Lutok (Tabed Lasong 1962, CO 947/54) misalnya bersetuju sekiranya Kerajaan British dan PTM bersama-sama terlibat dalam mentadbir Sarawak. Penduduk di Long Tukon, Trusan pula mengikut suara majoriti iaitu sekiranya ramai yang menyokong maka mereka juga akan menyokong penyertaan dalam Malaysia. Bagi penduduk Bak Kalalan mereka menerima rancangan Malaysia sepenuhnya (Wakil Pejabat Bak Kelalan 1962, CO 947/54) dan mencadangkan agar peraturan dan undang-undang Sarawak yang sedia ada dikekalkan. Di samping itu mereka turut mencadangkan pengekalan elemen kebebasan beragama dan pemilikan tanah, mencadangkan pelantikan Ketua Negeri yang terdiri daripada penduduk bumiputera Sarawak dan juga kemajuan pendidikan dan infrastruktur di Sarawak harus ditingkatkan. Penduduk di Kawasan Long Lamid, Long Lupin, Long Beluyu, Long Mawarap dan Long Kanabangan (Wakil Long Lamid et al 1962, CO 947/54) menentang rancangan penubuhan Malaysia. Sebahagian besar mereka mahukan Kerajaan British terus mentadbir Sarawak, manakala sebahagian daripada penduduk ini pula mahukan Sarawak merdeka bersama-sama Brunei dan Borneo Utara.

Wakil penduduk Murut pula menolak sepenuhnya penyertaan Daerah Lawas dalam Malaysia disebabkan penduduk Sarawak masih jauh ketinggalan berbanding penduduk di PTM. Mereka mahukan pentadbiran British dikekalkan di Sarawak. Terdapat hanya sebahagian kecil penduduk Murut yang turut memberikan simpati kepada pejuang PRB di Brunei dan dilihat turut mempengaruhi keputusan yang dibuat oleh masyarakat Murut.

Penyata Cobbold yang siap pada 21 Jun 1962 telah diterbitkan dan diumumkan pada 1 Ogos 1962. Berdasarkan hasil tinjauan yang dilakukan, keputusan tinjauan menepati gambaran Suruhanjaya Cobbold pada peringkat negeri Sarawak.

“About one-third of the population in each territory strongly favours early realisation of Malaysia without too much concern about terms and favourable to the Malaysia project, ask, with varying degrees of emphasis, for conditions and safeguards varying in nature and extent: the warmth of support among this category would be markedly influenced by a firm expression of opinion by Governments that the detailed arrangements eventually agreed upon one in the best interests of the territories. The remaining third is divided between those who insist on independence before Malaysia is considered and those who would strongly prefer to see British rule continue for some years to come.”(Report of the Commission Enquiry, North Borneo and Sarawak 1962)

Keputusan siasatan oleh Suruhanjaya Cobbold agak subjektif dan menimbulkan keabsahan tentang suara majoriti rakyat (A. Rahman Tang & Saidah Alih 2017) namun pernyataan di atas tepat untuk menggambarkan keputusan dan pendirian masyarakat di kedua-dua daerah di Bahagian Limbang pada awal tahun 1962. Disebabkan tugas suruhanjaya hanya untuk membuat siasatan ataupun tinjauan dan bukannya berdasarkan undi maka pernyataan di atas tepat menggambarkan keseluruhan penemuan dan dapatan tinjauan tersebut. Suruhanjaya mendapati majoriti rakyat Sarawak dan Borneo Utara menyokong rancangan Malaysia. Suruhanjaya Cobbold dengan itu menyokong penubuhan Malaysia dan mengemukakan beberapa cadangan untuk pertimbangan pembentukan Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Ia turut berpandangan bahawa negeri Borneo Utara dan Sarawak akan mendapat manfaat daripada segi ekonomi dan keselamatan dengan penyertaan bersama Malaysia. Keputusan Suruhanjaya Cobbold yang menyokong penyertaan Sarawak bersama-sama Malaysia telah memberikan impak yang negatif ke atas rancangan PRB untuk menyatukan ketiga-tiga wilayah British Borneo ke dalam sebuah kesatuan yang baharu. Begitu juga dengan gerakan untuk mengembalikan Daerah Limbang kepada Kerajaan Brunei semakin meningkat.

Terdapat beberapa persamaan dalam tuntutan masyarakat bumiputera iaitu kebanyakan mereka mahukan Ketua Negeri dilantik daripada penduduk bumiputera Sarawak. Selain itu mereka turut mahukan penduduk bumiputera mendapat manfaat pendidikan, perjawatan awam, tanah adat dan mengekalkan kebebasan beragama.

Secara keseluruhannya Laporan Suruhanjaya Cobbold merumuskan bahawa penduduk di Sarawak dan Borneo Utara berminat untuk bersama PTM dan Singapura dalam pembentukan Malaysia.

Persetujuan ini membawa kepada perbincangan lebih lanjut yang melibatkan wakil-wakil Sarawak dan Borneo Utara bagi merangka draf Perlembagaan melalui Jawatankuasa Antara Kerajaan (Inter Governmental Committee).

PETISYEN PENDUDUK BAHAGIAN LIMBANG

Gerakan untuk mengembalikan Daerah Limbang kepada Kerajaan Brunei didukung oleh Awang Aming bin Bakir dan Hj Ali Ismail. Semasa ahli Suruhanjaya Cobbold membuat lawatan ke Daerah Limbang kumpulan ini cuba untuk berjumpa dengan ahli Suruhanjaya bagi menerangkan kedudukan wilayah Limbang yang sedang dipertikaikan. Bagi mereka ini adalah tempoh masa yang terbaik bagi bertindak untuk mengembalikan semula status Daerah Limbang di bawah jajahan Brunei. Pada bulan Februari 1962, 21 orang penduduk yang mengaku sebagai mewakili penduduk di Daerah Limbang telah menghantar satu petisyen kepada Gabenor Sarawak (Petisyen Penduduk Daerah Limbang, 27 Februari 1962 CO 947/55), Menteri Besar Brunei dan Pesuruhjaya Tinggi British di Brunei, Residen Bahagian Kelima Sarawak, *Secretary of State for the Colonies*, dan Suruhanjaya Cobbold. Terdapat beberapa sebab dinyatakan melalui petisyen ini iaitu:

1. Kedudukan Sungai Limbang yang memisahkan Brunei kepada bahagian barat (Bandar Brunei) dan timur (Daerah Temburong) jelas menunjukkan kejanggalan sekiranya ia dasingkan daripada Kerajaan Brunei.
2. Daerah Limbang tidak pernah diserahkan secara sah kepada Kerajaan Sarawak.
3. Majoriti penduduk di Sungai Limbang merupakan waris kepada Sultan Brunei yang memiliki agama dan bahasa yang sama. Penduduk Limbang masih memberikan ketaatan kepada Sultan Brunei berbanding Kerajaan Sarawak sejak ia ditakluki oleh Kerajaan Sarawak.
4. Untuk kepentingan masa hadapan penduduk Limbang dan memelihara agama dan bahasa Brunei yang dilihat hanya boleh dilakukan melalui pentadbiran Sultan Brunei. (Petisyen penduduk Daerah Limbang kepada Kerajaan Sarawak, 27 Februari 1962, CO 1030/1296)

Bagi orang Melayu Brunei di Limbang kedudukan geografi Daerah Limbang yang terletak di

tengah-tengah wilayah negara Brunei menyebabkan lebih baik pentadbiran Limbang diserahkan kepada negara Brunei dan bukannya mengikuti Sarawak dalam Persekutuan Malaysia. Kedudukan geografi turut membuktikan bahawa Daerah Limbang sememangnya milik Kerajaan Brunei yang dirampas tanpa sebarang perjanjian bertulis daripada Kerajaan Sarawak. Awang Aming turut menjelaskan bahawa pendirian penduduk Limbang selari dengan tuntutan yang dibuat oleh Majlis Eksekutif Brunei yang meminta agar dilakukan kajian tentang kewujudan perjanjian bertulis yang melibatkan Daerah Limbang. Dengan beredarnya berita tuntutan Limbang melalui akhbar dan radio jelas menunjukkan penglibatan Kerajaan Brunei untuk mendapatkan sokongan daripada penduduk di Limbang. Di sini kita melihat persamaan unsur-unsur *ethnocentrism* (Amni Syamimi & Anuar Ahmad 2017) di antara penduduk Brunei dan Limbang dimanipulasi dengan sebaik-baiknya sama ada oleh PRB ataupun pendukung petisyen bagi menguatkan sokongan. Selain daripada itu hubungan di antara penduduk Limbang dan Brunei sangat rapat dengan perkongsian bahasa dan budaya melalui perkahwinan dan hubungan kekeluargaan yang begitu rapat (Deterding & Ishamina 2017). Justeru itu tidak menghairankan mengapa PRB menjadi wadah perjuangan berpolitik yang begitu popular bagi penduduk di Limbang (Suffian Mansor 2016).

Dalam jawapan Kerajaan Sarawak kepada Hj Ali Ismail selaku wakil penduduk Limbang,

“Tidak ada perubahan mengenai taraf Daerah Limbang sedang diranchangkan. Sa-bagaimana yang tuan tanah Limbang ditadbirkan sa-bagai wilayah Sarawak sejak tahun 1890 dan Kerajaan ini tidak sedar ada-nya sa-barang alasan untok mengemukakan tuntutan bagi mengubah taraf daerah ini. Tambah pula, Kerajaan ini tidak menerima tuntutan bahawa sa-bahagian besar penduduk Daerah Limbang mahukan perubahan saperti itu.” (Berita Harian 3 Mei 1962)

Seperti di Daerah Limbang, penduduk di Daerah Lawas turut menghantar petisyen. Ekoran daripada jawapan negatif daripada Kerajaan Sarawak maka pada 19 Mei 1962, penduduk Limbang telah keluar untuk berdemonstrasi menyokong tuntutan petisyen untuk mengembalikan Daerah Limbang kepada Kerajaan Brunei. Selain menjalankan demonstrasi, penduduk Limbang turut cuba untuk mendapatkan sokongan daripada Tunku Abdul Rahman dan Lee Kwan Yew. Rayuan kepada Tunku disebabkan semasa cadangan Memorandum Penubuhan Malaysia, Tunku Abdul Rahman pernah menulis

sekeping surat kepada Macmillan pada 26 Jun 1961, telah mencadangkan agar

“... it would be better of course if Sarawak could be returned to Brunei, at least the northern part of Sarawak, where the population is mainly Malays and Dayaks.” (Tunku Abdul Rahman 1961)

Walau bagaimanapun, selepas itu Tunku tidak pernah menyebut semula cadangan penyerahan Daerah Limbang kepada Brunei. Tunku berkemungkinan telah diberikan penerangan yang lengkap tentang status Daerah Limbang dalam negeri Sarawak daripada pegawai di Kementerian Luar PTM.

Gabenor Sarawak menjelaskan kepada penduduk di Bahagian Limbang bahawa status Bahagian Limbang akan kekal di dalam pentadbiran Kerajaan Sarawak disebabkan ia telah ditadbir sejak tahun 1890. Kerajaan Sarawak telah menolak desakan penduduk dan tidak akan melayan sebarang permintaan untuk mengeluarkan Limbang daripada pentadbiran Sarawak. Keputusan Kerajaan Sarawak turut disokong oleh Donald Stephen yang mewakili Parti Kebangsaan Kadazan Bersatu di Borneo Utara yang menentang penyerahan Daerah Limbang disebabkan sekiranya Kerajaan Sarawak bersetuju untuk tunduk kepada desakan tersebut adalah dikhuatiri muncul gerakan di pantai timur Sabah bagi menuntut agar kawasan tersebut diserahkan kepada Kerajaan Filipina.

GERAKAN TNKU DI LIMBANG DAN LAWAS

Keputusan siasatan dan tinjauan yang dijalankan oleh Suruhanjaya Cobbold menunjukkan majoriti penduduk Sarawak menyokong rancangan pembentukan Malaysia. Disebabkan pendirian Kerajaan Sarawak yang tidak akan melepaskan Bahagian Limbang maka secara automatik Bahagian Limbang akan turut sama menyertai Malaysia. PRB sangat menentang penyertaan Sarawak, Brunei dan Borneo Utara untuk bergabung bersama-sama Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu dalam Malaysia. A.M. Azahari melabelkan pendukung idea Malaysia sebagai pro-penjajah British. Melalui majalah “Rakyat” yang diterbitkan di Singapura Azahari meminta agar penduduk di Sarawak, Brunei dan Borneo Utara agar berhati-hati dengan pemimpin-pemimpin ini yang dianggap sebagai tali barut penjajah.

Dengan perkembangan dan sokongan ke atas rancangan Malaysia yang semakin meningkat, PRB

telah mula menjenamakan semula kumpulan rahsia ini dengan menggunakan nama Tentera Nasional Kalimantan Utara (TNKU) pada bulan Mei 1962. TNKU merupakan sebuah kumpulan militer rahsia yang dibentuk di rumah ayah beliau di Kampung Padang, Bandar Brunei pada bulan Ogos 1961. TNKU juga merupakan organisasi yang dibentuk bagi membolehkan penyertaan penduduk di luar Brunei yang menyokong perjuangan PRB. Disebabkan status TNKU yang rahsia maka organisasi ini tidak memiliki ibu pejabat di Limbang, Lawas ataupun Miri. Malah kewujudan TNKU juga tidak diketahui oleh sebahagian besar ahli-ahli PRB di Brunei. Dalam kalangan ahli PRB di Brunei percaya pembentukan TNKU hanyalah sebagai persediaan untuk Brunei mencapai kemerdekaan disebabkan negara Brunei tidak memiliki angkatan bersenjata. Organisasi TNKU dan pendukung petisyen mengembalikan Limbang kepada Brunei merupakan dua kumpulan yang berbeza. TNKU melihat usaha untuk menyatukan ketiga-tiga wilayah British di Borneo dalam skala yang lebih besar. Keadaan ini jelas apabila dilihat kepada objektif utama TNKU:

1. Menentang penyertaan Brunei, Sarawak dan Borneo Utara ke dalam Persekutuan Malaysia secara ketenteraan sekiranya diperlukan.
2. Menyatukan ketiga wilayah ke dalam sebuah negara kesatuan yang dikenali sebagai Negara Kesatuan Kalimantan Utara (NKKU).
3. NKKU akan dipimpin oleh Sultan Brunei.

Penyertaan penduduk Limbang dan Lawas dalam TNKU disebabkan usaha untuk mendaftarkan Angkatan Desa Bersatu (ADAB) pada bulan Januari 1962 di Labuan telah ditolak oleh Pendaftar Pertubuhan, Borneo Utara. ADAB disyaki hanya sebagai proksi kepada parti PRB di Brunei. Selain itu, Pendaftar Pertubuhan di Borneo Utara turut menerima permohonan pembentukan Angkatan Ra'ayat Anak Sabah (ARAS) di Daerah Sipitang pada bulan Mei 1962. Pertubuhan ARAS juga didapati memiliki hubungan yang rapat dengan PRB di Brunei. Kegagalan untuk bergerak melalui pertubuhan yang sah menyebabkan ahli-ahli yang bersimpati dengan PRB di Limbang dan Lawas bergabung dalam TNKU secara rahsia, manakala terdapat sebahagian kecil yang turut aktif menggunakan BPS cawangan Limbang dan Lawas sebagai wadah sementara untuk berpersatuan.

Selain membentuk organisasi tentera TNKU, Azahari turut bertindak secara diplomasi apabila bekerjasama dengan Stephen Yong yang mewakili SUPP Sarawak dan O.K.K. Sundang mewakili

parti United National Pasok Momogun (UNPM) membantah penyertaan Sarawak, Borneo Utara dan Brunei ke dalam Persekutuan Malaysia melalui memorandum bantahan pada 7 September 1962 di Kuching. Memorandum itu merupakan memorandum bantahan yang dihantar ke PBB sebagai bantahan bersama wilayah Sarawak, Brunei dan Borneo Utara.

Pada 8 Disember 1962 pemberontakan TNKU telah meletus di Brunei, Miri, Limbang, Lawas dan Weston. Kawasan yang paling teruk terjejas akibat pemberontakan TNKU ialah di Limbang. Bandar Limbang telah jatuh ke tangan tentera TNKU selama tujuh hari sebelum berjaya ditawan semula oleh tentera British. Dengan meletusnya pemberontakan di Bahagian Limbang bukanlah bermakna seluruh penduduk Limbang menyokong perjuangan TNKU untuk menyatukan Sarawak, Brunei dan Borneo Utara dalam sebuah negara baharu. Hanya terdapat sebahagian daripada penduduk Limbang yang memiliki hubungan yang rapat dengan perjuangan TNKU yang turut serta. Penyertaan penduduk dalam pemberontakan juga banyak diikuti oleh golongan pemuda yang majoritinya bekerja di Brunei dan terdedah dengan kegiatan PRB (Shaw 2016). Walaupun keputusan siasatan Suruhanjaya Cobbold menunjukkan penduduk Limbang menolak penyertaan bersama Malaysia tetapi penduduk Limbang tidak pula menyokong gerakan ketenteraan TNKU sebagai landasan perjuangan. Pemberontakan bersenjata mendedahkan betapa lemahnya sistem keselamatan di Sarawak dan perlunya sokongan terhadap pembentukan Malaysia bagi menjamin kestabilan negeri Sarawak. Pemberontakan di Limbang gagal untuk mendapatkan sokongan dan menyatukan penduduk untuk membentuk referendum yang lebih besar seperti di Quebec dan Scotland (Tierney 2016). Kegagalan mendapatkan sokongan berpunca daripada kewujudan elemen pelbagai kaum di Bahagian Limbang yang mengekang sebarang usaha untuk membawa keluar Limbang daripada pentadbiran Sarawak.

Keputusan Suruhanjaya Cobbold telah membantu persiapan membawa Limbang dan Sarawak dalam Persekutuan Malaysia. Namun disebalik persetujuan penduduk Limbang isu-isu tertanggung yang lain misalnya yang melibatkan persempadanan Limbang dan Brunei masih jauh untuk diselesaikan. Pada 16 September 1963 Limbang bersama-sama daerah lain di Sarawak telah mencapai kemerdekaan dalam Malaysia.

KESIMPULAN

Laporan Suruhanjaya Cobbold telah dikemukakan kepada kerajaan PTM dan British pada bulan Jun 1962. Penubuhan Suruhanjaya Cobbold telah membantu Kerajaan British dan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu mendapatkan gambaran yang lebih jelas mengenai kehendak penduduk di negeri Sarawak dan Borneo Utara berkenaan rancangan pembentukan Malaysia. Selain itu melalui Suruhanjaya Cobbold ia telah memberi input yang sangat berguna bagi penggubalan perlembagaan hasil daripada syor-syor yang dikemukakan melalui Suruhanjaya yang dilihat telah mendengar suara hati penduduk di Sarawak dan Borneo Utara. Penerimaan majoriti penduduk Sarawak dan Borneo Utara telah menimbulkan rasa kurang senang TNKU yang memiliki cita-cita anti-Malaysia dan menggabungkan Sarawak, Brunei dan Borneo Utara dalam sebuah Negara Kesatuan Kalimantan Utara yang baharu. Penerimaan penduduk di kedua-dua negeri memberikan isyarat bahawa perjuangan bersenjata di luar perlembagaan tidak akan mendapat sokongan bukan sahaja daripada penduduk di kedua-dua wilayah malah juga oleh Kerajaan British. Pemberontakan yang dicituskan oleh penduduk di Limbang, Lawas, Miri, Bekenu dan Baram di Sarawak merupakan kemuncak kepada rasa benci dan bosan dengan kerenah penjajah British. Selepas pembentukan Malaysia dan semua pejuang TNKU dibebaskan pada tahun-tahun 1970-an, mereka tidak lagi bertindak menentang Kerajaan Sarawak dan Malaysia disebabkan Sarawak dan Malaysia telahpun mencapai kemerdekaan.

NOTA AKHIR

- 1 Sir Anthony Foster Abell bekas Gabenor Sarawak dan Pesuruhjaya Tinggi British di Brunei.
- 2 Sir David Watherston merupakan bekas Ketua Setiausaha British di Malaya yang terakhir.
- 3 Dato' Wong Pow Nee merupakan Ketua Menteri Pulau Pinang.
- 4 En. Muhammad Ghazali Shafie (kemudiannya bergelar Tun), Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri, Persekutuan Tanah Melayu.

RUJUKAN

- A. Rahman Tang Abdullah & Saidah Alih. 2017. Proses kemerdekaan Sabah dan Sarawak (1961-1963): Tinjauan kembali aplikasi perundangan dalam penubuhan Malaysia. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 44(1): 24-57.

- Amni Syamimi Zaki & Anuar Ahmad. 2017. The level of integration among students at secondary school: A study in Limbang, Sarawak. *The International Journal of Social Sciences and Humanities Invention* 4(2): 3284-3288.
- Awang Aming bin Bakir. 1962. Surat kepada Suruhanjaya Cobbold, CO 947/55, 27 Februari. The National Archive.
- Awang Bogol bin Daud 1962. Surat kepada Suruhanjaya Cobbold, 4 Mac, CO 947/54. The National Archive.
- Berita Harian*. 1962. Sarawak menolak tuntutan terhadap Limbang. 3 Mei.
- Chinese Chamber of Commerce Limbang. 1962. Surat kepada Pengerusi Cobbold Commission, CO 947/55, 5 Mac. The National Archive.
- Debco, A.M. 1963. Notes on meeting, 6 Mac, FCO 141/12568. The National Archive.
- Deterding, D. & Ishamina Athirah Gardiner. 2017. *Journal of the International Phonetic Association* 47(1): 99-108.
- Gabenor Borneo Utara. 1961. Telegram No. 662 kepada Secretary of State for the Colonies, FCO 141/12562, 15 September.
- Gabenor Sarawak. 1961. Telegram No. 642 kepada Secretary of State for the Colonies, FCO 141/12562, 15 September.
- Gantang bin Ludin. 1962. Surat kepada Suruhanjaya Cobbold, CO 947/55, 10 Mac.
- Helen Mu Hung Ting & Chang Yee Siew. 2018. Asal-usul perjuangan masyarakat sivil Cina di Malaya tentang persoalan perlembagaan kemerdekaan terutamanya persoalan jus soli. *Kajian Malaysia* 36(2): 113-146.
- Ho, Hui Ling. 1998. Rancangan Malaysia: Bantahan Orang Cina Sarawak Melalui Suruhanjaya Cobbold. *Malaysia dari segi Sejarah. Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia* 26: 15-44.
- Lima Persatuan Masyarakat Cina Limbang. 1962. Surat kepada Suruhanjaya Cobbold, CO 947/55, 10 Mac. The National Archive.
- Melville, E. 1961. Surat kepada Colonial Office London, FCO 141/12562. 26 Ogos. The National Archive.
- Mohd. Daud bin Daim & Sablee bin Hamid. 1962. Surat kepada Suruhanjaya Cobbold, CO 947/54, 23 Februari. The National Archive.
- Norena Abd Karim Zamri, Muhaimin Sulam & Ahmad Murad Noor Merican. 2017. Tracing the trajectories of history of Malaysia: Exploring historical consciousness in Sarawak. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum.* 25 (S): 219 - 228.
- Norizan Kadir dan Suffian Mansor. 2017. Reviving the Sultanate of Sulu through its Claim over Sabah, 1962-1986. *Akademika* 87(3): 123-136. <http://ejournal.ukm.my/akademika/article/view/16225> Retrieved on: 3 April 2018.
- Pengiran Shahbudin bin Pengiran Abu Bakar. 1962. Surat kepada Suruhanjaya Cobbold, CO 947/54, 4 Mac. The National Archive.
- Petisyen Penduduk Daerah Limbang. 1962. CO 947/55, 27 Februari. The National Archive.
- Ratcliffe P. 1961. Telegram No. 642 kepada Ketua Setiausaha Kerajaan Sarawak, FCO 141/12562, 13 September. The National Archive.
- Report of the Commission Enquiry, North Borneo and Sarawak. 1962.
- Shaw, A.N. 2016. British counterinsurgency in Brunei and Sarawak, 1962–1963: developing best practices in the shadow of Malaya. *Small Wars & Insurgencies* 27(4):702-725. <http://dx.doi.org/10.1080/09592318.216.1190052>. Retrieved on: 3 Mac 2018.
- Suffian Mansor 2016. Pakatan politik berasaskan kaum: Kerelevanan dan kelangsungan jawatan timbalan Ketua Menteri Sarawak (1963-2016). *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 43(2): 100-123.
- Tabed Lasong. 1962. Surat kepada Suruhanjaya Cobbold, CO 947/54, 28 Feb. The National Archive.
- Tierney, S. 2016. Should the people decide? Referendums in a post-sovereign age, the Scottish and Catalan cases. *Netherlands Journal of Legal Philosophy* 45 (2):99-118. <https://philpapers.org/pub/5199/2016> Retrieved on: 8 November 2018.
- Tunku Abdul Rahman. 1961. Sarawak part of it should be returned to Brunei, DO 169/54. The National Archive.
- Wakil Ketua Kampung di Limbang. 1963. Surat kepada Suruhanjaya Cobbold, CO 947/55. Mac 1963. The National Archive.
- Wakil Pejabat Bak Kelalan. 1962. Surat kepada Suruhanjaya Cobbold, CO 947/54, 7 Mac. The National Archive.
- Wakil Penduduk Long Lamid et al. 1962. Surat kepada Suruhanjaya Cobbold. CO 947/54, 6 Mac. The National Archive.

Habids Buhigiba Bin Mohamad Bustamam (corresponding author)
 Pusat Dasar dan Governans Global
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 Bangi, Selangor
 Email: habids@gmail.com

Suffian Mansor
 Pusat Dasar dan Governans Global
 Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan
 Universiti Kebangsaan Malaysia,
 Bangi, Selangor
 Email : smansor@ukm.edu.my

Mohd Bin Samsudin
Pusat Dasar dan Governans Global
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi, Selangor
Email : aasw@ukm.edu.my

Received: 22 September 2018

Accepted: 15 Febuari 2019

